


Headline	Badan swasta bantu sekolah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	DIDIK	Page No	D4
ArticleSize	356 cm ²	Journalist	Siti Rohana Idris
PR Value	RM 36,675		



Badan swasta bantu sekolah

Oleh Siti Rohana Idris

bhdidik@bh.com.my

► Kota Bharu

Lebih banyak syarikat sepatutnya turun padang untuk membantu pihak sekolah mengumpulkan dana.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Islah, di sini, Puan Hamidah Che Abdul Hamid, berkata Bank Simpanan Nasional (BSN) baru-baru ini menyalurkan peruntukan khas untuk sekolah itu menganjurkan pelbagai kegiatan.

Beliau berkata, acara bersempena dengan Karnival Sekolah BSN 2016 itu sebahagian besarnya diuruskan oleh murid-murid sendiri.

Katanya, acara itu membolehkan sekolah menambahkan dana selain berinteraksi dengan ibu bapa dan masyarakat setempat.

"Kira-kira 1,400 orang murid sekolah ini terbabit dan kami berbesar hati kerana BSN memilih sekolah kami," katanya.

Wang tunai

Sementara itu, Pengarah Perniagaan BSN Kelantan, Encik Komarudin Mustapha, berkata pihaknya memilih empat buah sekolah untuk mengadakan karnival berkenaan.

Katanya, SK Islah adalah sekolah keempat dalam program yang dianjurkan sejak bulan Jun lalu.

Beliau berkata, tiga buah lagi sekolah ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pier Chih, Kota Bharu; SK Cherang Ruku, Pasir Puteh dan SK Pauh Sembilan, Bachok.

"BSN menyediakan dana RM5,000 untuk kos penganjuran dan RM5,000 lagi untuk hadiah pertandingan," katanya.

Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kelantan, Encik Mohamad Mohyddin Mohamed Nor hadir untuk penyampaian hadiah kepada pemenang.

Headline	Badan swasta bantu sekolah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	DIDIK	Page No	D4
ArticleSize	356 cm ²	Journalist	Siti Rohana Idris
PR Value	RM 36,675		



Sebahagian daripada pemenang bergambar kenangan bersama-sama Encik Mohamad Mohyiddin (empat dari kiri) dan Encik Komarudin (lima dari kiri) pada majlis penutup Karnival Sekolah BSN 2016 baru-baru ini.

Headline	Badan swasta bantu sekolah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	DIDIK	Page No	D4
ArticleSize	356 cm ²	Journalist	Siti Rohana Idris
PR Value	RM 36,675		



Encik Mohamad Mohyiddin melawat gerai jualan.